

# *Karya Mushi Abdullah Daripada Aspek Logika*

Amida @ Hamidah Haji Abdulhamid 

---

## **PENGENALAN**

*KISAH Pelayaran Abdullah* dimulai penulisannya pada tahun hijrah 1253 dan diselesaikan karangannya pada tahun hijrah 1254 bersamaan tahun masehi 1852. (Abdullah bin Abdul-Kadir, Munshi. 1961) Dalam dokumentasi kisah pelayaran ini terdapat laporan Munshi Abdullah tentang paradigma kehidupan orang Melayu di tiga buah negeri berkerajaan Melayu, iaitu Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Munshi Abdullah yang celik menulis dan membaca juga punya kebolehan berbahasa Inggeris menggunakan kesempatan belayar itu untuk 'mengambil tahu' tentang tempat-tempat yang disinggahinya itu dalam pelayaran dari Singapura ke Kelantan.

Penulisan Munshi Abdullah bukanlah semata-mata laporan *per se*, tetapi penulisan tentang bentuk kehidupan di tiga-tiga buah negeri itu diberi komentar atau kupasan yang membuktikan logika pemikirannya yang futuristik (dan global) sifatnya. Munshi Abdullah dengan pengalamannya yang luas dan terbuka setelah celik menulis dan membaca amat peka dengan beberapa perkara penting (dan sensitif) yang menyebabkan kemunduran bangsa Melayu, khususnya, dan manusia sejagat amnya.

## **LOGIKA PEMIKIRAN MUNSJI ABDULLAH**

Beberapa perkara penting tentang kehidupan dan tabiat orang Melayu menjadi bahan pemikiran Munshi. Perkara-perkara ini di antaranya ialah:

- i) Bahasa Melayu: pembelajaran dan kegunaannya;
- ii) Madat: pembunuh aspirasi dan inspirasi akibat penyalahgunaannya;
- iii) Keadaan negeri Pahang yang miskin dan sunyi.

Perkara-perkara demikian dapat dianggap mengkhhusus kerana komentar Munshi Abdullah berfokus kepada alam Melayu, tetapi pemikiran tentang perkara-perkara berkenaan dapat diaplikasi secara menyeluruh, meliputi dunia sejagat.

### **BAHASA MELAYU: PEMBELAJARAN DAN KEGUNAANNYA**

Munshi Abdullah melihat isu pembelajaran dan kegunaan Bahasa Melayu di negeri-negeri Melayu berkenaan secara objektif dan hujahannya tentang hayat Bahasa Melayu ( boleh juga diaplikasi kepada bahasa lain ) berbentuk induksi.

Kita akan cuba lihat hujahan induksi Munshi Abdullah tentang pembelajaran dan kegunaan Bahasa Melayu ( hlm 15-16 ):

- P1. ... adalah bahasa mereka itu bahasa Melayu, lagi halus dan betul jalan bahasa, kerana asal-nya bahasa-nya itu tumbahnya dari Johor.
- P2. ... tiada mereka itu mahu belajar bahasanya.
- P3. ... tiada ia menaruh akan tempat belajar itu...pada sangka ,mereka itu, sekalian ilmu mengarang itu suatu pekerjaan yang ringan lagi dengan mudahnya boleh mendapat dengan mendengar dan meniru-niru sahaja.
- P4. ...jikalau kiranya tiada ia endahkan dan usahakan dengan menchari guru-guru yang biasa dalam ilmu itu, neschaya segala surat-surat kiriman-nya dan karangan-nya changgong adanya...tiada betul atoran-nya dan ejaan-nya dan hubungan huruf-nya, dan bertukar-tukar huruf-nya. Dan hilang kemanisan bahasa-nya dan kuasa-nya...
- P5. ...Mendatangkan berapa ribu orang yang tiada mahu membacha surat dan menyurat dudok dalam bodoh dengan buta mata-nya.

*(Kesimpulan)...langit hendak di-chapainya dengan tangan.*

Abdullah Munshi mengemukakan lima premis ( P1 - P5 ) untuk menyimpulkan bahawa tanpa kepandaian di dalam bidang bahasa Melayu, orang Melayu tidak akan mencapai kecemerlangan dan kejayaan. Bertolak pada premis pertama P1, Munshi Abdullah memuliakan bahasa Melayu kerana jalan bahasanya yang halus dan teratur. Kehalusan dan keteraturan pada bahasa Melayu ini mencerminkan kehalusan dan keteraturan pola hidup orang Melayu kerana daripada pengalaman kehidupan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai media interaksi akan membentuk budaya yang halus dan teratur juga. Dari sinilah mungkin munculnya ungkapan 'Bahasa Jiwa Bangsa'. Akan tetapi bahasa yang bersemangat demikian tidak diamalkan. Maka itu Munshi amat berdukacita dengan sikap

orang Melayu yang tidak mengambil endah untuk meneruskan tradisi mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya.

Justeru premis Munshi yang kedua P2 *...tiada mereka itu mahu belajar bahasanya*. Premis kedua ini penting kerana bagi suatu bahasa yang halus dan teratur, kemantapannya akan terpelihara apabila penggunaannya mengekalkan dan memantapkan lagi kehalusan dan keteraturannya. Untuk memantapkan ciri kehalusan dan keteraturan Bahasa Melayu itu, maka bahasa itu perlu dipelajari, bahasa itu perlu dikenali dengan lebih dekat lagi. Bak kata peribahasa "tak kenal maka tak cinta". Dengan mempelajari bahasa itu, walaupun bahasa itu bahasa ibunda, kita akan mengenali bahasa itu dengan lebih intim, kita akan mengenali segala aspek tatabahasa, langgam bahasa, dan ciri-ciri retorik bahasa berkenaan. Penggunaan bahasa Melayu secara meluas, di dalam semua bidang kehidupan dan ilmu, akan menyubur dan menambah hayat pada bahasa berkenaan.

Pembelajaran bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang mudah. Guru dan tempat belajar ( sekolah ) perlu diwujudkan supaya pembelajaran berlangsung secara bersistem. Lantas terbit premis 3 ( P3 ) dan premis 4 ( P4 ) pada hujahan Munshi Abdullah. Dengan adanya guru dan sekolah untuk belajar, pembelajaran bahasa Melayu akan menjadi lebih serius, kerana membentuk budaya yang mulia itu adalah satu proses yang serius kerana ia membabitkan pembentukan jatidiri. Dengan jatidiri inilah pelajar-pelajar bahasa akan menjadi lebih peka kepada tuntutan dan perjuangan budaya bahasa berkenaan. Sesungguhnya, proses pembelajaran bahasa tidak memadai dengan peniruan yang hanya layak pada peringkat anak-anak.

Pada zahimnya, kehadiran guru akan memperbaiki sistem penulisan sebagaimana yang terdapat pada premis keempat. Kehadiran guru akan dapat mempertahankan kedaulatan bahasa itu secara intrinsik (dari aspek struktur dan pembentukannya) dan ekstrinsik (dari aspek signifikan dan kehalusannya). Malangnya Munshi Abdullah dapati bahawa bahasa Melayu yang ditemuinya di dalam perjalanannya itu dianaktirikan dan diabaikan. Guru dan sekolah tidak ada. Ini bererti bahawa orang Melayu tidak mengambil berat tentang bahasa ibunda mereka yang pada asalnya teratur dan halus sifatnya. Fenomena sedemikian rupa mencetuskan premis kelima yang rata-rata memperlihatkan keadaan orang Melayu yang buta huruf. Dan dengan kelima-lima premis itu Munshi Abdullah mengisbatkan di dalam kesimpulannya bahawa tanpa kepakaran bahasa orang Melayu akan teraba-raba di dalam alam yang benderang.

Dapat dirumuskan dari hujahan Munshi Abdullah bahawa bahasa Melayu memainkan peranan yang penting di dalam memartabatkan orang Melayu di dalam kehidupan secara global. Untuk mendisiplinkan diri, untuk memantapkan jatidiri, untuk mempersiapkan diri menghadapi cabaran, bahasa Melayu patut dipelajari struktur dan seninya. Jiwa dan semangat bahasa itu perlu dihayati dan kegunaannya yang betul wajar dilaksanakan supaya bahasa itu, dan bangsa itu, hidup subur. Dengan semangat belajar ini, bahasa Melayu akan berfungsi sebagai bahasa ilmu dan orang Melayu tidak lagi akan melakukan sesuatu yang bercanggah dengan

metodologi atau kaedahnya seperti hendak mencapai langit dengan tangan sahaja. Langit yang begitu tinggi hendak dicapai dengan tangan yang sehasa dua panjangnya!

Daripada hujahan induksi Munshi Abdullah tentang orang Melayu dengan bahasa Melayunya, dapat dikesan kepekaan Munshi tentang hubungan bahasa Melayu ( juga bahasa lain ) dengan ilmu. Bahasa apa sahaja, jika tidak diamalkan di dalam kehidupan harian dan di dalam bidang ilmu, akan "hilang" dari peta dunia. Maka itu Munshi Abdullah telah melihat jauh ke depan melampaui eranya tentang nasib bahasa Melayu itu terletak di tangan orang Melayu sendiri.

#### **MADAT: PEMBUNUH AKIBAT PENYALAHGUNAANNYA**

Munshi Abdullah masih menggunakan hujahan bentuk induksi untuk mengemukakan bencana candu itu (hlm. 83 ).

- P1 ... candu itu haram dalam ugama Islam.
- P2 ... candu itu membinasakan badan.
- P3 ... menghabiskan wang.
- P4 ... mendatangkan malas.
- P5. ... tidak berfungsi sebagai ubat.
- P6. ... menghilangkan waktu.
- P7. ... merosakkan nama yang baik.

Kesimpulan ... kebencian segala orang yang baik.

Dalam hujahan induksi Munshi Abdullah tentang madat ini, premis pertama hingga premis ketujuh memberi sebab-sebab mengapa madat itu tidak diterima dan pada kesimpulannya, ekoran daripada ketujuh-tujuh premis tadi mengisbatkan bahawa madat candu menjadi kebencian orang yang baik. Hujahan Munshi ini dikemukakan kepada Tengku Temena yang ketagih candu:

*Saya lihat badan Tengku sudah rosak, dan harta Tengku habis; dan badan Tengku malas, hendak tidor sahaja siang malam. Maka seperti kata Tengku, kemuliaan kepada raja-raja itu tiada saya lihat; dan menjadi ubat, itu pun tiada saya lihat... dalam kitab dan Ko'an sudah tentu haram-nya itu. Melainkan iblis sahaja yang suka akan segala perkara yang demikian itu. (Hlm. 83).*

Jika dilihat rentetan sebab musabab yang dikemukakan Munshi Abdullah, sistem pendalilannya teratur dan berwawasan. Munshi Abdullah tidak sahaja melihat bencana madat itu pada situasi ketika itu sahaja tetapi beliau dapat melihat ke depan. Bahawa madat yang menjadi candu itu akan merosakkan bangsa. Dan fenomena ini juga sedang berlaku di depan mata kita. Betapa ruginya negara apabila hadir sekumpulan warganegara yang tidak dapat memberi sumbangan ke arah kedaulatan negara hanya kerana tertakluk di bawah pengaruh candu dan dadah. Keasyikan terhadap candu ini membunuh segala

nafas untuk berkhidmat dan berjuang, membunuh segala aspirasi dan cita-cita. Perbelanjaan besar oleh PEMADAM untuk memulihkan penagih dadah di negara kita.

### KEADAAN NEGERI PAHANG YANG MISKIN DAN SUNYI

Pada halaman 23 Munshi Abdullah mempersoalkan *akan negeri Pahang itu. Maka apa juga sebab-nya boleh jadi demikian itu, sangat-lah miskin dan kesunyian negeri itu, kerana dari dahulu kala termasyhur nama-nya kepada segala negeri besar-besar, semena menjadi kecil dengan tiada di-rampas musuh dan tiada di-tawan oleh negeri lain-lain.* Untuk menjawab persoalan ini, Munshi Abdullah menggunakan hujahan berbentuk dialektik iaitu:

1. *Bukan-nya dari sebab perompak, kerana belum pernah saya dengar khabar negeri besar-besar yang hilang perniagaan-nya dan kekayaan-nya oleh sebab perompak;*
2. *Bukan-nya sebab tanah-nya, kerana negeri Pahang tanah-nya terlalu gemok;*
3. *Bukan-nya sebab kelalaian orang-nya sahaja.*
4. *Sebab-nya menjadi miskin negeri Pahang itu; maka sekalian orang yang dudok dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja-raja dan orang besar-besar.*

Pendalilan Munshi Abdullah ada logiknya. Kehadiran perompak tidak akan menjejaskan ekonomi sesebuah negara. Pada saat mutakhirpun, apatah lagi di dalam arus sains dan teknologi canggih, rompakan tetap berlaku. Akan tetapi rompakan ini tidak memberi kesan kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Sebab kedua yang tertumpu kepada tanah tidak dapat diterima langsung dalam erti kata tanah Pahang yang subur sudah tentunya memberi ruang yang amat luas untuk penduduknya berbakti kepada tanah: bercucuk tanam dan memajukan sektor pertanian. Tetapi peluang yang ada dan ruang yang terbuka itu tidak dipergunakan sebaik-baiknya kerana sebab ketiga, iaitu kelalaian bagi pihak penduduknya. Bagi Munshi Abdullah, kita tidak boleh membuat satu generalisasi, iaitu semua penduduk negeri Pahang lalai. Besar kemungkinannya akan hadir sebilangan (besar/kecil) yang lalai, tetapi tidak semua warga yang lalai. Sekiranya hanya wujud sebilangan kecil penduduk yang peka, waras, rajin, tekun, berwawasan, maka bilangan kecil ini akan berusaha untuk merealisasikan cita-cita dan aspirasi mereka. Dengan ketrampilan sebilangan kecil ini akan memakmurkan negeri dan mendaulatkan bangsa.

Dan Munshi Abdullah membuat kesimpulan bahawa keadaan negeri Pahang yang miskin dan sunyi itu adalah disebabkan keadaan negeri yang tidak stabil ... *maka sakalian orang yang dudok dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja-raja dan orang besar-besar* (hlm 23). Ketakutan yang mencengkam kehidupan penduduk negeri Pahang membuat mereka enggan bekerja, kerana segala hasil jerit perih bertani akan diperas pihak berkuasa. Sekiranya ada penduduk yang gigih bekerja dan berjaya sebagai petani, mereka

akan tawar hati lantaran hasil tani mereka dirampas. Kehidupan warga yang stabil dengan wujudnya kepercayaan antara seorang dengan yang lain, juga dengan wujudnya sistem keadilan yang mengutamakan *kesenangan hati bagi segala ra'ayat-nya* akan melahirkan suasana yang sihat untuk setiap rakyat berusaha mengikut kemampuan dan kebolehan sendiri ke arah memakmurkan negara. Kebenaran fakta ini dapat dilihat pada dunia sekarang. Mana-mana negara yang kucar-kacir akibat peperangan dan persengketaan akan mengalami keadaan ekonomi yang meleset, tetapi bagi negara yang stabil dari segi politik dan sosialnya akan mengalami keadaan ekonomi yang memberangsangkan.

### KESIMPULAN

Pemikiran Munshi Abdullah di dalam karyanya memperlihatkan kewibawaannya sebagai seorang yang berfikiran rasional, sistematis ketika mengemukakan hujahnya, berani menyuarakan pendapatnya sebagaimana diperlihatkan dalam kes hujahan madat kepada Tengku Temena, berpandangan jauh melampaui hayatnya dan berwawasan. Kelebihan yang wujud pada Munshi Abdullah ini, tidak sahaja hasil dari asuhan dan didikan yang diterimanya tetapi juga daripada pergaulannya yang luas dan dari keghairahan dan keberaniannya untuk menakluki dimensi yang tidak diketahuinya.

### BIBLIOGRAFI

1. Georgacarakos, G.N., & Smith, Robin. 1979: *Elementary Formal Logic*. (U.S.A. McGraw-Hill, Inc.).
2. Abdullah bin Abdul-Kadir, Munshi. 1961: *Kesah Pelayaran Abdullah*. (Singapore: Publishing House Ltd.)